

04 MAR 2004

Abdullah-calon

ABDULLAH MINTA ANGGOTA UMNO TERIMA CALON PILIHAN KEPIMPINAN

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Anggota-anggota Umno hendaklah menjadikan hasrat mereka untuk menyerahkan kepada pucuk pimpinan soal menentukan calon parti bagi pilihan raya umum ini sebagai satu kenyataan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Perdana Menteri berkata mereka tidak seharusnya mengambil tindakan yang merugikan parti sekiranya tidak terpilih untuk menjadi calon.

"Jangan kata serah kepada pemimpin tapi (dalam pada itu mengatakan) calonlah saya, mana boleh macam itu, kalau serah kepada pemimpin, serahlah kepada pemimpin.

"Lepas itu kalau dah pemimpin pilih siapa sahaja, terimalah, kerana itulah yang kita kehendaki," katanya selepas mempengerusi mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) dan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Parlimen dibubarkan hari ini bagi membolehkan Pilihan Raya Umum ke-11 diadakan dalam tempoh 60 hari.

Abdullah, yang juga pemangku Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata anggota-anggota Umno harus menerima hakikat bahawa yang akan bertanding ialah parti manakala calon-calon hanya merupakan agen-agennya.

"Sayapun melalui proses ini untuk beberapa tahun, saya pun ditentukan oleh pucuk pimpinan.

"Saya tak tahu sama ada saya akan bertanding atau tidak, tetapi mujurlah boleh dikatakan tiap-tiap pilihan raya saya bertanding," katanya.

Ini merupakan kali pertama Abdullah memimpin BN dalam pilihan raya umum sejak mengambil-alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Abdullah mengakui bahawa ada orang yang mengingatkan beliau supaya berhati-hati mengenai soal penentuan calon Umno kerana perkara itu kebiasannya menimbulkan masalah.

"Bagi orang yang mengharapkan mendapat sesuatu, adalah perkara biasa

sekiranya dia kecewa (jika tidak dipilih) tetapi biarlah pandai mengawal diri," katanya.

Beliau berkata mereka tidak harus menyebabkan kekecewaan itu mendorong mereka mengambil tindakan-tindakan yang merugikan dan melemahkan parti serta menimbulkan perbalahan dalam parti.

Ditanya sekiranya ada kalangan menteri kabinet yang menyatakan hasrat untuk berundur, Abdullah berkata: "Alhamdulillah".

Ditanya berapa orang, beliau menjawab: "You kata ada tadi, I was about to ask you siapa."

Bagaimanapun beliau berkata beliau tidak akan menghalang sesiapa yang hendak mengundur diri.

"Kalau dia rasa dah tiba masanya nak berhenti sebab dah berkhidmat lama ataupun tak sihat, kita ucapkan terima kasih kepada mereka," katanya.

Abdullah berkata ada yang telah memaklumkan hasrat mereka itu kepadanya tetapi beliau enggan menghuraikannya dengan lebih lanjut.

Ditanya jumlah menteri besar yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen, Abdullah berkata: "Tak tahu lagi."

Sebelum itu, beliau berkata calon-calon Umno akan diumumkan sebelum hari penamaan calon.

-- BERNAMA  
JM AZZ AZH